

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tentang sejarah Kerajaan Melayu Batubara di Sumatera Utara, Indonesia sejak tahun 1900 – 1945. Selain itu pula, kajian ini untuk menjawab beberapa permasalahan dengan menganalisis dan menemukan rumusan yang meliputi tiga bahagian, iaitu: Pertama, bagaimana proses perkembangan Islam dalam Kerajaan Melayu Batubara Kedua, sejauhmana pengaruh Islam terhadap pemerintahan Kerajaan Melayu Batubara dan Ketiga, bagaimana peranan Kerajaan Melayu Batubara dalam menyebarkan agama Islam di daerah Sumatera Utara. Data dalam penyelidikan ini, pada asasnya diperolehi dengan menggunakan metode perpustakaan dan dokumentasi. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan metode temubual untuk melengkapi metode di atas, khususnya yang berhubung dengan sejarah Kerajaan Melayu Batubara. Hasil kajian ini dapat dipaparkan sebagai berikut: Pertama; proses perkembangan Islam bagi Kerajaan Melayu Batubara meliputi tiga bahagian iaitu: 1) Melalui Perdagangan, 2) Melalui Perkahwinan, 3) Melalui Persaingan dalam Penyebaran Agama. Kedua; Pengaruh Islam terhadap Kerajaan Melayu Batubara meliputi empat aspek, iaitu: 1) Dalam Aspek Kepercayaan, 2) Dalam Aspek Sistem Perundangan, 3) Dalam Aspek Pendidikan, 4) Dalam Aspek Kebudayaan. Ketiga; Raja dan Ulama mempunyai peranan yang signifikan terhadap Kerajaan Melayu Batubara dalam menyebarkan agama Islam di wilayah Sumatera Utara.

## **ABSTRACT**

This research aims to analyze the history of Malay kingdom of Batubara in North Sumatra, Indonesia since 1990 – 1945. Besides that, this research is conducted in order to answer some problems by analyzing and finding the formula which involves three parts. Firstly, how is the development of Islam in Malay kingdom of Batubara. Secondly, how far is the influence of Islam towards the government under the Malay kingdom of Batubara. Thirdly, what is the role of Batubara Malay kingdom in spreading Islam in North Sumatra. The data for this research is basically obtained from library research and documentation. In addition, the research also uses an interview method to complete the above method especially the things which are related to the history of Batubara Malay Kingdom. The result of this research can be explained as follows: The first is the development of Islam under the kingdom of Batubara Malay which involves three parts; trading, marriage, and the competition of dissemination of religion. The third is the influence of Islam towards the Batubara Malay kingdom which covers four aspects; belief, administrative, law system, education and aspect of culture. The third is the king and the Muslim scholars had a significant role towards the Malay kingdom of Batubara in the dissemination of Islam in North Sumatra region.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan rasa kesyukuran yang teramat sangat terhadap Allah s.w.t. atas segala rahmat, taufik dan hidayahNya, sehingga penulis dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Salawat dan salam sentiasa berterusan keatas baginda Nabi junjungan Muhammad bin Abdullah s.a.w. yang telah bertungkus lumus menyampaikan *risalah*, membimbing umatnya daripada insan yang jahil dalam kegelapan, menuju insan- insan yang berjaya dalam kemuliaan, beriman, berilmu, alim dan bertamadun.

Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan terhadap yang mulia Prof Madya DR. Ali Muhammad sebagai penyelia penulis, yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar, selama penulisan tesis ini dengan penuh kesabaran. Semoga Allah s.w.t. membalas segala amal budinya dengan pahala yang berlipat ganda, penulis mengucapkan, “*jazakumullah ahsanul jaza’*”.

Selain itu pula, penulis mengucapkan banyak terima kasih kepada seluruh pensyarah di Fakulti Usuluddin, khususnya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, beliau adalah: Prof. Dr. Abdul Halim Bin Hj Mat Diah, Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. Abdullah Bin Yusuf, Dr. Mohd Roslan Bin Mohd Nor dan Ustaz Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid . Beliau semua inilah yang telah menurunkan kepakaran

dan keilmuannya kepada penulis selama mengikuti kursus dalam kelas. Demikian pula, kepada seluruh kakitangan Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, khususnya di Jabatan Sejarah Tamadun Islam yang telah memberikan perkhidmatan dengan baik.

Tak lupa pula, rasa terima kasih yang teramat sangat disampaikan kepada Datuk Azman Syah, Datuk Muhammad Azmin Syah, Prof. Tengku Lucman Sinar SH, Bapak Yohanan Bahar, Nek Hj. Halimah, Nek Ingah dan Tuk Abdul. Mereka semua telah meluangkan masanya bagi penulis, untuk memberikan *informasi* yang diperlukan tentang sejarah Kerajaan Melayu Batubara. Semoga temubual yang telah didapat dari mereka bagi menyelesaikan kajian ini, dapat dijadikan *refrensi* pada pengkaji selanjutnya pada Universiti Malaya.

Rasa kasih yang teramat dalam, lebih khusus di tujukan kepada Ayahanda tercinta Muhammad Thaib bin Haji Muhammad Nur (*Allah Yarhamhu*) yang bertungkus lumus membesar dan mendidik anak-anaknya tidak kenal erti penat dan lelah semoga Allah Suhanahu wa Ta'ala merahmati rohnya dan meletakkan disisi-Nya dan ibunda Thaibah binti Ibrahim yang tercinta telah mengasuh, mendidik, membesar dengan belaihan kasih sayang dan penuh kesabaran serta dengan ikhlas dan redah mengizinkan penulis, belajar dan menuntut ilmu ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, sehingga dengan jayanya penulis dapat menyelesaikan belajar pada peringkat Ijazah Tinggi. Selain itu pula, spesial buat isteri tercinta Nurmaliinda Ahmad yang telah mengizinkan dan membantu berupa

dorongan moral serta semangat yang berterusan dengan besar hati sanggup menghadapi bersama-sama cabaran semasa melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Tinggi. Bagi anak-anakku, Nawwir Ar Rasyid dan Najdi Nawri sebagai sumber inspirasiku dan motivasiku untuk menyelesaikan penulisan karya ilmiah ini. Juga pada kawan-kawan seperjuangan, mahasiswa dan mahasiswi Indonesia yang belajar di Malaysia yang telah memberikan sokongan terhadap penulisan tesis ini.

Penulis menyedari sepenuhnya bahawa dalam penulisan tesis ini masih terdapat kekurangan. Oleh itu, segala kritikan dan saranan sangatlah diharapkan bagi menyempurnakan segala kekurangan-kekurangan yang ada dalam tesis ini. Akhirnya, walaupun tulisan ini bagaikan setitik air dalam lautan yang luas, semoga dapat memberi manfaat khususnya bagi mereka yang cinta terhadap ilmu pengetahuan.

Kuala Lumpur, 2011

Penulis,

**Sulaiman bin Muhamad Thaib**

